



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

# TARBIATUNA



JAWATANKUASA TARBIAH - IKRAM MALAYSIA

Bil Keluaran : 12

Siri : 1438H/02 Edaran untuk ahli IKRAM sahaja

Bulan: JamadilAkhir-Ramadhan 1438H

## Taujihat



Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM

## Bingkisan Tarbawi



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria  
Pengerusi JK Tarbiah Pusat

## Al-Taujihat Al-Ukhti Murabbiah



Datin Paduka Che Asmah binti Ibrahim, Penggerusi JK Wanita

## Risalah Pemuda



Dr. Harith Roslizar  
IKRAM Australia

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

## Agenda Tarbiah & Siasah

Assalamualaikum w.b.t. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah kerana mengizinkan keluaran Tarbiatuna siri ke 12. Pada keluaran ini kami cuba menyentuh sedikit sebanyak isu-isu berkaitan kefahaman di sekitar kepentingan tarbiah siasah yang merangkumi pentarbiahan masyarakat, kepemimpinan negara mengikut perspektif syara'. Selain itu kita juga mengetengahkan isu berkaitan peranan institusi rumah tangga dalam membina keluarga yang celik politik. Selain daripada itu, artikel yang berkaitan peranan pemuda sebagai pelapis kepimpinan masa depan serta idealisme mereka juga diketengahkan.

Secara umumnya Tarbiatuna kali ini membawa kita untuk memahami keluasan amal-amal tarbiah yang dijayakan melalui medan amal siasi atau melalui sistem kenegaraan yang dibenarkan oleh perlombagaan negara tercinta.

Kami juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut Ramadan kepada semua pembaca dan selamat mengerjakan ibadah Ramadan dengan sebaik-baiknya. Jadikan ia sebagai sebaik-baik bekal untuk mengharungi jalan perjuangan mengislah masyarakat dan negara serta bekal menuju jalan akhirat yang abadi. Sesungguhnya bulan ini adalah bulan yang penuh rahmah dan keberkatan serta keampunan dari Allah. Semoga syurga Firdaus menjadi ganjaran terbaik untuk kita.

Dari Meja Editor



## Mutiara Al-Quran



وَمَا جَعَلَهُ إِلَّا بُشْرَى لَكُمْ  
وَلَتَضْمِنَ قُلُوبُكُمْ بِهِ وَمَا الظُّرْفُ  
إِلَّا مَنْ عِنْدَ اللّٰهِ الْغَزِيرُ الْحَكِيمُ

Dan Allah tidak menjadikan bantuan tentera malaikat itu melainkan kerana memberi khabar gembira kepada kamu dan supaya hati kamu tenteram dengan bantuan itu dan (ingatlah bahawa) pertolongan yang membawa kemenangan itu hanya dari Allah Yang Maha kuasa, lagi Maha Bijaksana (Al-Imran : 126)

## Mutiara Hadith



Daripada Abu Hurairah r.a.  
bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

"Pada malam pertama bulan Ramadhan syaitan-syaitan dan jin-jin yang jahat dibelenggu, pintu-pintu neraka ditutup, tidak ada satupun pintu yang terbuka, dan pintu-pintu syurga dibuka, tidak ada satupun pintu yang tertutup, dan (kedengaranlah) seruan orang yang menyeru:

"Wahai yang mengharapkan kebaikan bersegeralah (kepada ketaatan), Wahai orang yang mengharapkan keburukan tahanlah dirimu, Allah memiliki hamba-hamba yang merdeka dari api neraka pada setiap malam (di bulan Ramadhan)." [H.R. At-Tirmidzi, Hadith No 618]

## Mutiara Hikmah



"Asas keimanan adalah hati yang bersih, asas keIKHLASan yang suci, asas SEMANGAT ialah keinginan yang kuat, asas USAHA adalah keazamann yang membara dan semua sifat itu tidak wujud kecuali pada PEMUDA"



# KEPIMPINAN NEGARA MENGIKUT PERSPEKTIF SYARA'

**Ustaz Dr Hj. Mohd Parid Sheikh Ahmad**

**Presiden IKRAM**

الحمد لله والصلوة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن ولاه وبعد

Ia perlu dilihat dari perspektif yang betul dan tepat, agar penilaian terhadapnya menepati kedudukannya di sisi Allah s.w.t dan apa yang diunjurkan oleh al-Rasul juga dapat diterima oleh seluruh Ulama' ummah yang soleh sepanjang zaman.

Ia boleh dilihat sebagai satu kedudukan yang mengandungi unsur-unsur positif sebagai inti patinya:

- Sebagai satu amanah (mandat) yang mesti disempurnakan dengan penuh rasa tanggungjawab.
- Sebagai satu kedudukan istimewa, menggantikan kedudukan Nabi Muhammad s.a.w bagi menyampaikan Islam yang benar kepada dunia dan memimpin umat manusia.
- Sebagai satu tanggungjawab (bebanan) berat yang hanya mampu dipikul oleh seorang pemimpin yang berkebolehan dan berintegriti.
- Sebagai satu peluang kepada ganjaran akhirat yang amat besar.
- Sebagai satu kemuliaan kepada pemimpin yang melaksanakan tanggungjawabnya dengan adil.
- Sebagai satu kedudukan kepimpinan tahap tinggi yang menuntut kebolehan urus tadbir yang terbaik.

Sabda Rasulullah s.a.w, riwayat Abu Hurairah:

”الواى العادل المتواضع ظل الله ورکنه فى أرضه، ويرفع للواى العادل المتواضع فى كل يوم عمل كل ستين صديقا ، كلهم عابد مجتهد فى نفسه“

Maknanya: “Seorang pemerintah yang adil, merendah diri adalah payung/lembayung Allah dan tiangnya di muka bumi, Allah akan mengangkat ( amalan ) seseorang pemerintah yang adil dan merendah diri itu pada setiap hari amalan 60 orang (soleh ) yang ( mencapai darjah orang yang sid'dikin ) keseluruhan mereka orang yang beribadat dengan bersungguh-sungguh terhadap dirinya ”. [H.R. Abu Nu'aym. Hadith no 15]

Ia juga dari sudut yang lain mengandungi unsur-unsur ancaman yang berbahaya, boleh menjerumuskan seseorang

pemimpin kepada kecelakaan hidup di dunia dan akhirat, menanggung dosa besar, terjerumus ke dalam api neraka dan azab seksa yang amat dahsyat.

- Sebagai satu cabaran dan ujian yang amat getir dan berbahaya.
- Sebagai satu kedudukan yang menjadi rebutan banyak pihak yang boleh membinasakan dirinya.
- Sebagai punca fitnah dan permusuhan sesama manusia, hatta sesama ahli keluarga.

Sabda Rasulullah, riwayat Abu umamah:

”أخرجه الطبراني وغيره ، عن رسول الله صلى الله عليه وسلم أنه قال: صنفان من أمتى لا تناهم شفاعتي: سلطان غشوم ظالم، وغال في الدين يشهد عليهم وبثراً منهم .“

”Dua jenis manusia dari kalangan umatku yg tidak akan beroleh syafaatku: 1)pemerintah yg melampaui batas lagi zalim, 2) pelampau dlm agama, dia menjadi saksi ke atas mereka (pelampau agama) sedangkan dia berlepas diri drp mereka ”. [H.R. At-Thobrani]

Sabda Baginda lagi, riwayat Abu Musa:

”ان في جهنم واديا يقال له هيء ، يحق على الله عز وجل أن يسكنه كل جبار عنيد“

Maknanya: “ Sesungguhnya wujud di dalam neraka Jahanam satu lembaga yang dipanggil hai'hab, menjadi hak Allah Yang Maha Tinggi dan Agong memasukkan ke dalamnya setiap penguasa yang ganas/ melampaui zalim . ” [H.R. Al-Hakim]

Dari sudut yang lain, kepimpinan dapat dilihat dari sudut fungsi dan peranan yang sepatutnya dilaksanakan oleh seseorang pemimpin negara itu iaitu sebagai kedudukan-kedudukan berikut:

- Pemimpin negara bagi meneruskan misi Nabi Muhammad s.a.w: menegakkan Islam serta mengurus tadbir kehidupan manusia dan perjalanan negara berdasarkan unjuran-unjurannya.
- Pemimpin negara yang menjadikan fokus kerjanya ke arah menegakkan kepentingan manusia, kedaulatan syariah dan kepimpinan Islam ke atas dunia dan masyarakat manusia sejagat.

- Pelaksana siasah syariah, politik dan tatakelola pentadbiran negara dan kehidupan rakyat berasaskan urjuran-urjuran syariat, bukan sebaliknya.

Bentuk kepimpinan mereka berbeza daripada bentuk kepimpinan dunia masa kini yang jauh daripada suluhan Islam dan syariatnya, bentuk kepimpinan mereka adalah mengambil bentuk berikut:

- Kepimpinan yang menyeluruh terhadap kehidupan manusia dan perjalanan negara, gabungan kepimpinan spiritual dengan kepimpinan politik, juga kepimpinan lahir dan batin manusia secara serentak.
- Kepimpinan contoh bagi sebuah negara dan umat yang bertamadun, kepimpinan yang berintegriti dan kompeten.
- Tamadun yang menjunjung tauhid keimanan, ilmu pengetahuan, akhlak dan nilai-nilai kehidupan yang mulia, mengangkat kemanusiaan manusia, menyubur sikap toleransi sesama mereka yang tiada tandingannya.

Kenaikan mereka pula sebagai pemimpin negara menerusi pemilihan majoriti rakyat dan ummah secara sah. Umat yang tidak diperdaya atau terpedaya, memilih mereka dengan penuh sedar, mereka juga memiliki kelebihan dari sudut upaya dan keupayaan, ciri-ciri kepimpinan terbaik, tidak mengingini kedudukan tersebut dan bersedia menyerahkannya kepada pengganti yang lebih siap untuk mengambil kedudukan mereka.

- Dipilih dan dipersetujui oleh majoriti rakyat/ umat dengan sedar dan rasa tanggungjawab.

- Kepimpinan yang terbuka kepada penerapan proses penggiliran kepimpinan bagi tempoh tertentu untuk menjamin kelangsungan integriti dan kompetensi setiap pemimpin baru pengganti yang dipilih.

- Kepimpinan yang tidak mahu kedudukan itu sama sekali, Zahid fi al-ria'sah.

Dia adalah seorang pemimpin muslim terbaik di zamannya, memiliki berbagai-bagai kelebihan berhadapan dengan lain-lain calon sezaman dengannya dari banyak sudut seperti:

- Merupakan seorang tokoh umat yang terbaik, memiliki integriti dan kompetensi yang paling sempurna:
- Memiliki pengamatan/basirah yang tajam.
- Memiliki keupayaan ijtihadi kontemporari paling tinggi.
- Memiliki kebijaksanaan paling menonjol.
- Membudayakan syura dalam pentadbiran dan pengurusannya berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran yang dihadapi bagi memajukan kehidupan rakyat dan negara.
- Mengangkat kumpulan-kumpulan pakar bidang, pemikir yang berkelayakan bagi membangun bidang-bidang usaha dan aktiviti, sistem, institusi-institusi dan agensi-agensi, polisi-polisi dan penyelesaian berhadapan dengan bidang-bidang tersebut yang mampu meningkatkan kemajuan negara, keupayaan rakyat dan negara bersaing pada tahap antara bangsa, membangun negara contoh kepada kelangsungan tamadun manusia di atas muka bumi ini pada zamannya.

-----  
وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ -----

## ***Selamat Menjalani Ibadah di bulan Ramadhan***

*dari JawaTANKUUSA Tarbiah IKRAM Pusat*

bersambung dari di m/s 04

seorang pemimpin tidak akan berlaku sombong kepada orang bawahannya.

- Memiliki kemampuan berkomunikasi dengan baik bagi pelbagai segmen masyarakat, lisan, tulisan mahupun perbuatan.
- Memiliki pendirian yang teguh dalam erti bila kebenaran sudah dipegang dan hendak dilaksanakan maka dia akan istiqamah di atas kebenaran itu.
- Bersikap dan bertindak adil sehingga yang salah akan disalahkan dan yang benar dibenarkan.
- Selalu optimis untuk memburu kejayaan yang diimpikan.

- Memiliki kesihatan atau daya ketahanan badan yang kuat sehingga tugas-tugas pemimpin mampu digalas dengan baik.

Semoga Allah sentiasa mengilhamkan kepada kita untuk berdakwah dan menyantuni masyarakat ke arah petunjukNya. Mungkar akbar (mungkar yang dibuat oleh mereka yang berkuasa) yang berlaku perlu diselesaikan dengan melaksanakan makruf akbar (memperbetulkan pemerintah). Pemilihan calon salah satu aspek penting yang harus difahami oleh rakyat agar tidak berlaku kesilapan yang akan membawa kepada perlakuan yang tidak selari dengan tuntutan dan amanah yang perlu ditunaikan.

Allahu Akbar Walillahil Hamd.....

# Mentarbiah & Memimpin Masyarakat

**Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria,  
Pengerusi JK Tarbiah Pusat**

Organisasi dakwah adalah wadah bersifat inklusif yang sentiasa berhubungan dengan masyarakat sekeliling. Ia tidak boleh mengasingkan diri dari masyarakat. Mereka hidup di tengah-tengah masyarakat yang punya pelbagai kecenderungan.

Rasulullah SAW amat prihatin mentarbiah individu dan masyarakat. Baginda mengajar bagaimana untuk memerangi taasub terhadap kabilah dan keluarga dengan ruh jamaah. Walau bagaimana kuat pun individu itu, dia tetap tidak sempurna melainkan apabila hatinya dilimpahi dengan ruh bermasyarakat. Ruh ini yang memandu dan menyedarkan dhomirnya mengawal gerak kerjanya. Justeru itulah Al-Quran mengulangi lafaz ‘ummah’ dalam banyak ayat-ayatnya dan seorang muslim membaca dalam solatnya sekalipun dia solat bersendirian

**يَا أَيُّهُنَّمُبِينَ، "السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَىٰكُمْ  
وَاللَّهُ الصَّمَدُ".**

Lafaz-lafaz dalam “wording plural”, bukan “wording singular”, demi mengingatkan individu berkenaan bahawa dia adalah salah seorang anggota dalam masyarakat atau seorang individu daripada ummah. Dan syariat menjadikan solat itu sebagai peluang untuk bergaul dengan ahli kariah lima kali sehari di masjid terdekat, seminggu sekali di hari Jumaat dan dua kali setahun di Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha, sekali seumur hidup ketika menunaikan Fardu Haji di Mekah.

Apa peranan kita? Dalam hal ini Imam Syahid Hasan Al-Banna menyebutkan:

“Sebarkan dakwah di setiap lokasi di mana kalian berada; di kedai-kedai, jalan-jalan, kawasan perumahan, masjid-masjid, restoran, tempat-tempat awam dan khusus, kampung dan bandar, kilang-kilang, tempat kerja, taman-taman, sawah ladang, sekolah dan sebagainya”.

“Buatlah kelompok-kelompok ikhwan di setiap jalan, kelab-kelab Al-Quran di setiap kampung, panji-panji Muhammad di bandar-bandar dan di setiap penjuru bumi seorang al-akh yang menyebarkan prinsip-prinsip dakwah dan ajaran-ajaran kalian, yang memberikan kalimat-kalimat kalian.....”.

Tegasnya masyarakat mesti disantuni dengan sebaiknya ke arah pembinaan negara sejahtera. Kita muahu kehidupan Islam yang sempurna (hai'ah Islamiah mutakamilah) dan ia

tidak akan berhasil melalui pelaksanaan undang-undang (hudud dan qisas) semata-mata. Dari sini lahirnya istilah mentarbiah masyarakat iaitu untuk memberi kesedaran kepada mereka bagaimana untuk memilih pemimpin yang terbaik.

Pelbagai pendekatan boleh kita gunakan untuk menyantuni masyarakat. Jumpa individu seorang demi seorang (kesannya lebih mendalam), mengambil peluang di majlis-majlis atau sempena tertentu seperti walimah, majlis aqiqah dan sebagainya, ziarah ke rumah jiran atau rakan, memanfaatkan sela waktu di masjid atau surau antara maghrib dan isyak dan sebagainya mengikut kesesuaian. Bagi para asatizah boleh diselitkan pengisian berkaitan dengan bahasa yang mudah difahami dalam kuliah maghrib atau subuh sebagai contoh.

Paling asas ialah permasalahan agar berhati-hati dalam menentukan pilihan dalam memilih pemimpin. Tersalah pilih akan merosakkan lebih dari memulihkan. Ia menjadi tanggungjawab semua lapisan masyarakat. Sebab itu mereka harus diberi kefahaman yang betul ke arah menentukan pemimpin yang terbaik itu.

Kesalahan dalam memilih pemimpin menyebabkan penyesalan di kemudian hari kerana kita semua akan dipersoalkan oleh Allah Ta’ala.

Kerana begitu besar tanggungjawab seorang pemimpin dalam Islam, kita mesti memilih berdasarkan kriteria yang terbaik, antaranya:

1. Memiliki akidah yang sejahtera dan pemahaman terhadap ajaran Islam yang sesuai sehingga mampu mengawalnya menjadi pemimpin yang terikat dengan Allah.
2. Memiliki daya ingatan yang kuat, cerdas, berwawasan, memiliki ketajaman berfikir dan mampu menganalisis pelbagai persoalan dengan baik.
3. Sabar, penyantun, ramah dan lemah lembut sehingga segala persoalan dapat ditangani dengan penuh ketenangan.
4. Benar dan dapat dipercayai, baik ucapan maupun perbuatannya kerana jika pemimpin tidak mendapat kepercayaan, mudaratnya lebih besar dari manfaatnya.
5. Tawaduk’ atau rendah diri sehingga dengan sifat ini bersambung di m/s 3



# Tarbiah Siasah di Jalan Dakwah

Hasan Al-Banna Rahimahullah adalah seorang lelaki yang memiliki pelbagai bakat dan potensi. Dia alim dan daie, musleh, mujaddid, pemimpin dan ketua, dia juga sebagai murabbi agung.

Dia adalah murabbi dari segi bakat, pembelajaran dan pergaulan. Padanya segala alat yang diperlukan oleh seorang murabbi berjaya. Beliau memiliki pandangan yang tajam, berjiwa besar, punya pemikiran luas, lisan yang petah, wajah yang ceria, firasat yang unggul di samping memiliki ilmu yang luas dan punya seni dalam menggauli masyarakat.

Maka tidak pelik bila kita melihatnya amat cepat mempengaruhi setiap persahabatan dan pergaulannya. Bahkan pada setiap orang yang ditemuinya sekalipun secara sepihak lalu sahaja dia menyentuhnya dengan kalimah bermakna atau pendirian yang meninggalkan kesan atau cerita yang bermakna dan sebagainya. Umum maklum tentang hal tersebut.

Benarlah seperti yang disebut oleh beliau rahimahullah: **“Tanda lelaki soleh ialah dia dapat meninggalkan kesan yang baik di setiap tempat yang disinggahinya”**. Demikianlah yang berlaku. Tarbiah menurut Imam Al-Banna mempunyai dua ciri asas iaitu **“Kesempurnaan”** dan **“Keseimbangan”**

Makna ‘kesempurnaan’ ialah tarbiah syumul yang tidak hanya terhad kepada sudut tertentu dan mengabaikan sudut yang lain. Ia merangkumi ruh, jasad, akal dan perasaan, dhomir dan jiwa, berusaha membentuk sahsiah muslim yang sempurna dari sudut ruh dengan ibadat, badan dengan riadah, akal dengan ilmu, akhlak dengan sifat-sifat terpuji, kemasyarakatan dengan memberi khidmat, politik dengan membawa kesedaran tentang isu-isu negara dan ummah... begitulah seterusnya.

Makna ‘keseimbangan’ bahawa ia memberi kepada setiap sudut akan haknya tanpa melampau atau terkurang. Setiap sudut diberi penekanan yang sesuai. Siapa yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang dua perkara ini (kesempurnaan dan keseimbangan) boleh merujuk buku kami (Ciri-ciri Umum dalam Islam) khususnya dua ciri syumul dan wasatiah m/s 95 – 115.

Tidak hairanlah apabila dikatakan bahawa antara jenis tarbiah terpenting yang dititikberatkan oleh Imam Al-Banna ialah Tarbiah Siyasah yang terlupakan dari majoriti orang berag-

ama dan pertubuhan-pertubuhan Islam di Mesir pada masa itu.

## Sudut Siasah

Benar... antara sudut terpenting yang dititikberatkan oleh Imam Al-Banna ialah sudut siasah. Yang kita maksudkan ialah semua yang berkait dengan urusan-urusan pemerintahan, sistem bernegara, hubungan antara kerajaan dan rakyat, hubungan antara negara dan lain-lain sama ada Islam dan bukan Islam, hubungan dengan penjajah yang menceroboh, pendirian dengan parti-parti dan kepartian, termasuk yang berkaitan perlembagaan, undang-undang, syura, demokrasi dan lain-lain.

Sebelum dakwah Hasan Al-Banna, sudut siasah ini tidak diberi perhatian oleh mana-mana jamaah islamiah khususnya di Mesir. Ia berada di luar kotak pemikiran dan aktivitinya. Konsep siasah amat bertentangan dengan konsep agama seperti hitam dan putih dan tidak tergambar ia boleh bersatu dalam pemikiran individu atau jamaah. **Manusia ada dua kategori sahaja: orang agama atau orang siasah. Jamaah pun ada dua kategori iaitu jamaah agama atau jamaah siasah.** Sebagai contoh jamaah agama campurtangan urusan siasah atau orang siasah campurtangan urusan agama. Terkadang melebihi had berlaku dan boleh dimaafkan jika orang siasah atau jamaah siasah campurtangan urusan agama, namun dosa yang tidak boleh diampunkan menurut pandangan umum masyarakat di masa itu bila orang agama atau jamaah agama mencampuri urusan siasah !!

Atas dasar inilah di Mesir dan di lain-lain tempat jamaah-jamaah yang berciri agama seperti tarekat sufi, pelbagai persatuan-persatuan agama memperuntukkan dalam undang-undang tubuh masing-masing bahawa mereka tiada hubungan dengan siasah.

Di pihak lain, terdapat kumpulan-kumpulan yang tiada kaitan dengan agama atas nama parti-parti seperti Parti Kebangsaan, Parti Ummah, Parti Wafd dan pecahan-pecahannya, Parti Dustur dan lain-lain. Semua parti itu bersifat sivil atau sekular. Pemikirannya dari sudut teori dan aktiviti berdiri atas dasar memisahkan agama dari negara dan memisahkan negara dari agama walaupun sebahagiannya lebih sederhana mengikut pembawaan pimpinannya. Parti Kebangsaan lebih cenderung kepada Islam dapat dilihat pada Muassasah Mustafa Kamil dan pengikutnya.

Parti-parti ini semuanya mendokong semangat kebangsaan yang sempit. Kita dapat kebanyakannya hidup atas semangat jahiliah lama seperti Firauniyah di Mesir, Finiqiyah di Syria, Asyuriyah di Iraq. Yang tidak mendokong semangat kebangsaan biasanya mendokong semangat perkauman



**"Inilah saya, anda siapa?"**

Seorang wartawan bertanya Imam al-Syahid tentang dirinya dan meminta beliau memperkenalkan dirinya sendiri kepada orang ramai. Beliau berkata:

**"Saya adalah pengembara yang mencari kebenaran. Saya adalah manusia yang mencari erti sebenar kemanusiaan. Saya adalah seorang warganegara yang impikan sebuah negara yang dihormati, merdeka, tenteram dan hidup harmoni di bawah naungan Islam yang murni."**

Saya hanyalah ibarat seorang yang memahami rahsia hidupnya. Justeru dia bersuru: Sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanya untuk Allah tuhan sekalian alam, tiada yang memperseketui-Nya. Inilah yang diperintahkan kepada saya dan saya salah seorang yang menyerahkan diri.  
**Inilah saya, anda pula siapa?"**



**Hasan al-Banna**

seperti Perkauman Thuraniyah di Turki, Perkauman Arab di negara-negara Arab dan Perkauman Suriyah di Syria Kubra.

Hasan Al-Banna perlu berhadapan dengan situasi ini dengan sengit bagi menolak fahaman-fahaman yang salah berkaitan hubungan antara agama dan siasah. Fahaman-fahaman itu ditanam oleh kejahilan dan hawa nafsu, disiram dan dibajai oleh penjajah sehingga mengakar dalam dan bercabang meluas.

Pemikiran sesat itu mesti diserang dengan pemikiran yang benar, iaitu kesyumulan Islam bagi semua sudut kehidupan antaranya siasah seperti yang telah ditunjukkan oleh Al-Quran dan Hadis, petunjuk Ar-Rasul dan Sirah Para Sahabat, amalan umat keseluruhannya sepanjang lebih 13 kurun. Memadai di sini bahawa Al-Quran memberi amaran terhadap kecuaian bagi sebahagian ayat-ayat yang Allah telah turunkan. Firman Allah s.w.t Surah Al-Maidah, ayat 49 yang bermaksud

*Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, hanyasanya Allah mahu menyeksa mereka dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka dan se-sungguhnya kebanyakannya dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik.*

Al-Quran menegur sikap Bani Israel kerana memisah-misahkan kitab mereka, mengambil sebahagian dan meninggalkan sebahagian yang lain. Allah berfirman di dalam surah Surah Al-Baqarah ayat 85 yang bermaksud

*Kemudian kamu ini (wahai Bani Israil), kamu ber-bunuhan-bunuhan sesama sendiri dan kamu usir satu puak dari kaum kamu keluar dari kampungnya; kamu pula saling bantu-membantu (dengan orang lain) untuk menentang mereka dengan melakukan dosa dan pen-*

*ganiayaan; padahal kalau mereka datang kepada kamu sebagai orang tawanan, kamu tebus mereka; sedang perbuatan mengusir mereka diharamkan juga atas kamu. Sesudah itu maka patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) Kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian yang lain? Maka tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian itu dari antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan.*

Dalam hal ini Imam Syahid telah mengungkapkan kata-kata yang hampir dihafal oleh majoriti Ikhwan. Antaranya kata-kata beliau: **"Bila dikatakan kepada kamu: Ke arah mana kamu menyeru? Maka katakan: Kami menyeru kepada Islam yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. dan kerajaan itu adalah sebahagian darinya, kebebasan itu satu kefardhuan. Jika ada orang berkata bahawa ini adalah siasah, katakan bahawa inilah dia Islam, kami tidak mengenali semua pemisahan ini!"**. (Risalah Antara semalam dan hari ini – Majmuk Rasail Imam Syahid Hasan Al-Banna m/s 160, cetakan Percetakan dan Sebaran Muassasah Islamiah, Beirut)

Imam Al-Banna rahimahullah menjawab tuduhan yang mengatakan bahawa Ikhwan Muslimin adalah golongan siasah, dakwah mereka dakwah siasah: **"Wahai kaum... Sesungguhnya kami menyeru kamu sedang Al-Quran di tangan kanan kami, As-Sunnah di tangan kiri kami, amalan salafussoleh daripada umat ini merupakan qudwah kami. Kami menyeru kamu kepada Islam dan ta'alim Islam serta hukum hakam Islam. Maka jika ini merupakan siasah di sisi kamu, inilah dia siasah kami. Jika orang yang menyeru kamu kepada prinsip-prinsip ini dikatakan siasah, maka kamilah orang yang paling unggul –alhamdulillah- dalam siasah. Jika kamu mahu menamakan itu sebagai siasah, maka katakan sahaja semahu kamu. Maka nama-nama tersebut tidak akan memudaratkan kami bila jelas sebab ia dinamakan demikian dan matlamatnya pun sudah tersingkap"**. (Risalah Dakwatuna dari Majmuk Rasail m/s 37)



# FIQH MUWATONAH



**Mohammad Aatdiff bin Ahmat**  
Ahli Sekretariat JK Tarbiah IKRAM Pusat

Sekretariat Majlis Fatwa dan Kajian Eropah telah meminta Sheikh Yusuf al-Qaradawi menulis satu kajian sekitar "Negara dan Kewarganegaraan" serta kaitannya dengan hukum-hakam syarak, aqad dan maqasid. Kajian ini sebagai pembukaan kepada Nadwah Fikriyah Fiqhiyyah yang akan dijalankan oleh pihak sekretariat tentang tema kewarganegaraan dan asimilasi golongan minoriti muslim di Eropah dan selainnya. Ini disebabkan wujudnya kekeliruan dari isu sensitif ini. Begitu juga timbul persoalan-persoalan dan jawapan-jawapan yang bertentangan hasil pertentangan ijihad dan perbezaan dalil-dalil.

Buku ini menghubungkan perkara furu' (cabang) dengan perkara usul (pokok) dan perkara zahir dengan maqasidnya dan menghimpun kefahaman terhadap nas (fiqh al-nas) dengan kefahaman terhadap realiti semasa (fiqh al-waqi').

## PENGENALAN.

Bab ini mengandungi tiga poin utama.

- Tanah air.
- Negara.
- Kewarganegaraan.

Tanah air ialah tempat di mana seseorang dilahirkan. Di mana dia tidak boleh memilih dan Allah s.w.t yang menetapkan untuknya.

Negara ialah persempadanan kedaulatan sesebuah kerajaan. Kewarganegaraan ialah persetujuan seseorang itu untuk menjadi rakyat bagi sesebuah negara. Seseorang boleh memilih negara mana untuk dia menjadi warganegaranya.

## FASAL SATU.

(Kewarganegaraan muslim dalam masyarakat bukan-muslim)

Fasal ini membincangkan sekitar Perlembagaan Madinah. Sheikh Yusuf al-Qaradawi menyimpulkan bahawa Perlembagaan Madinah mengiktiraf pembentukan ummah dengan 4 aspek.

- Pertama : Agama.
- Kedua : Pemerintahan Politik (siasah).

- Ketiga : Kenegaraan (geografi).
- Keempat : Keturunan dan nasab (sosial).

Keempat aspek ini mesti diurus agar harmoni antara satu sama lain. Seorang ahlu zimmah adalah ahlu dar (warganegara) walaupun dia bukan ahlu millah (saudara seagama). Setiap warganegara adalah bersaudara. Persaudaraan ini memastikan hak saling membantu, saling menolong dan bahu membahu sebagaimana lazimnya berlaku dalam sebuah keluarga.

## FASAL DUA.

(Kewarganegaraan muslim dalam masyarakat bukan-muslim)

Fasal dua membahagikan negara bukan Islam kepada dua jenis. Pertama yang memusuhi Islam. Kedua yang tidak memusuhi Islam.

### **Negara bukan Islam yang memusuhi Islam.**

Muslim yang dilahirkan di sini, pertamanya, mesti bersabar dan mencari ruang untuk mengamalkan (dan mendakwahkan) Islam semampu mungkin. Setelah didapati tiada ruang, diharuskan untuk berhijrah. Agama mesti di utama dari tanah air.

Haram bagi mana-mana muslim untuk berhijrah ke negara ini, melainkan beliau memang berkemampuan untuk mengubah realiti negara tersebut.

### **Negara bukan Islam yang tidak memusuhi Islam.**

Harus bagi mana-mana muslim untuk berhijrah (dan menjadi warganegara) negara ini. Islam membolehkan penghijrahan ini dalam empat sebab. Pertama untuk mencari pekerjaan yang lebih baik untuk menyara keluarga. Kedua mencari keamanan diri dan keluarga. Ketiga untuk menyambung pelajaran. Keempat untuk berdakwah.

Sebab yang keempat ini mesti menjadi tujuan utama bagi setiap muslim. Itu adalah antara tuntutan agama dan sunnah Rasulullah s.a.w.



Datin Paduka Che Asmah binti Ibrahim  
Pengurus JK Wanita IKRAM Pusat

## Membina Budaya

# CELIK POLITIK

## dalam Keluarga Rahmah

Institusi keluarga adalah merupakan institusi Rabbani yang dibina berdasarkan kehendak dan tuntutan Ilahi. Dengan itu, pembinaan institusi keluarga adalah merupakan asas penting dalam pembinaan masyarakat.

Firman Allah Ta'ala di dalam Surah Ar-Ruum: 21) yang bermaksud :

*Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.*

Memiliki keluarga yang sakinah, mawaddah dan rahmah adalah merupakan impian setiap insan yang mendirikan rumah tangga. Pembinaan rumah tangga muslim adalah untuk melahirkan zuriat keturunan yang soleh dan musleh sebagai penerus generasi. Anak merupakan anugerah dan ujian serta amanah dari Allah s.w.t untuk dididik dengan sebaiknya dengan penuh kasih sayang agar menjadi hamba Allah yang bertakwa. Ibubapa adalah merupakan institusi pertama dan paling asas dalam pendidikan anak-anak.

Rasulullah s.a.w bersabda, "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan suci.

Kedua orang tuanya yang menjadikannya Yahudi atau majusi atau Nasrani." Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim.

Imam Al-Ghazali rahimahullah berkata, "Anak adalah amanah yang dihadiahkan buat ibu bapa. Hatinya yang suci adalah permata berharga. Jika dibiasakan dengan kebaikan dan diajari kebaikan maka akan tumbuh kebaikan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat."

### Pembinaan Keluarga Rahmah Sebagai Asas Kepada Pembinaan Pemikiran Politik Negara Rahmah

Kehidupan keluarga adalah ibarat sebuah negara kecil dalam masyarakat di mana suami yang juga bapa adalah ketua keluarga sebagai pemimpin rumah tangga perlu sedaya upaya melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan ke atasnya seperti memberi nafkah, melindungi dan memelihara seluruh ahli keluarganya iaitu ibu bapa, isteri-isteri, anak-anak dan adik beradik perempuannya dan lain-lain. Manakala, isteri yang juga ibu sebagai rakan kongsi rumah tangga sedaya upaya berperanan sebagai pengurus rumah tangga, melaksanakan tanggungjawab untuk memelihara, mendidik, dan merawat anak-anaknya. Anak-anak dan ahli keluarga yang lain adalah ibarat rakyat yang dipimpinnya. Anak-anak merupakan sumber daya manusia yang sangat luar biasa yang harus digali dan dikembangkan. Mereka juga merupakan aset berharga negara yang perlu dibentuk dan didi-

dik pola pemikirannya dengan baik. Ibubapa sebagai pemimpin keluarga perlu menyediakan suasana yang kondusif untuk mendidik anak-anak untuk membesar dengan baik dan berhasil mengembangkan bakat dan kemampuan mereka ke arah menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara dalam menuju ke arah pembentukan sebuah Negara rahmah.

Sebagai pemimpin di dalam sebuah negara, peranan ibubapa bukan sekadar untuk menyediakan keperluan fizikal seperti makanan, pakaian dan rumah tempat berlindung, tetapi juga perlu menyediakan suasana yang boleh menyokong keperluan dan perkembangan spiritual dan emosinya anak-anak. Di dalam sebuah negara rahmah di mana setiap rakyatnya terbelia, keluarga juga perlu mewujudkan suasana di mana anak-anak mendapat pembelaan dan tanggungjawab serta hak dapat ditunaikan. Keperluan ini perlu didirikan atas dasar ibadah dan kecintaan kepada Allah dan ditegakkan dengan membina adab-adab Islami di kalangan ahli-ahli di dalam suasana yang di dalamnya terdapat sakinah, mawaddah dan rahmah. Lanya perlu berlaku berlandaskan interaksi atau komunikasi yang seimbang, adil, penuh kasih sayang dan mendahului kewajipan sebelum menuntut hak.

Di antara sifat rahmah yang perlu dizahirkan di dalam diri, keluarga dan masyarakat adalah dengan melakukan perubahan minda dari menolak, membenci perbezaan kepada menerima, memahami dan meraikan perbezaan.

Di dalam surah Al- Ruum, ayat 22 , Allah SWT telah berfirman yang bermaksud :

*Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan."*

Ayat ini menerangkan kepada kita bahawa perbezaan bahasa dan warna kulit di kalangan umat manusia adalah merupakan bukti kekuasaan Allah SWT yang mempunyai hubungan dengan penciptaan langit dan bumi itu sendiri. Perbezaan cuaca dan alam sekeliling dari perbezaan kedudukan bumi mempunyai kaitan dengan perbezaan bahasa dan warna kulit umat manusia yang dijadikan walaupun asal usul kejadian kita adalah sama. Sesungguhnya ianya menjadi bukti keagungan kekuasaan Allah SWT di atas penciptaan perbezaan ini. Kepelbagaiannya inilah juga yang membawa kepada keceriaan kepada kehidupan.

Perbezaan ini tidak seharusnya menjadi punca kepada kesombongan akibat dari perasaan meninggi diri yang

timbul dari kelompok tertentu kerana berbangga dengan kelebihan yang ada pada kelompoknya berbanding yang lain. Perbezaan ini seharusnya diterima dan diraikan sebagai ruang untuk kelompok-kelompok ini berinteraksi dan tolol menolong serta saling lengkap melengkapi bagi mencapai kesempurnaan kehidupan.

Pembacaan dan pendedahan meluas untuk ahli keluarga perlu dirancang dan dipermudahkan agar kepekaan terhadap apa yang berlaku di dalam negara mahupun di peringkat global dapat dihayati. Ahli keluarga perlu difahamkan bahawa senario dan perkembangan di sekeliling mereka bakal membawa kesan kepada masa depan mereka. Maka ahli keluarga yang terdidik bagi memahami perbezaan kejadian manusia dan suasana terkini yang melambangkan keagungan Tuhan pencipta kejadiannya akan lebih bertoleransi antara kaum dan agama, hormat menghormati dan saling faham memahami berusaha bersama mencapai keharmonian yang amat diperlukan dalam mencorakkan landskap politik negara. Usaha ini perlu dibuat dengan seimbang agar semua kaum, bangsa

dan agama dapat memahami had-had persamaan yang dapat dipersetujui bersama dan perbezaan yang perlu dihormati.

Keluarga yang berjaya dalam melaksanakan peranan, tanggung-jawab dan haknya sama ada pemimpin atau yang dipimpin secara langsung akan berjaya menerapkan kesedaran atau celik politik dalam pembinaan sebuah negara. Insan-insan yang terdidik dengan peribadi yang mulia, peka kepada keperluan ummah dan berjuang bagi menuntut kepada pembinaan sebuah negara rahmah.



Sebagai mana ianya menjadi asas kepada pembentukan sesebuah keluarga, ianya juga akan menjadi asas kepada pembentukan landskap politik dan penentuan kepimpinan negara di masa hadapan.



## SEBAHAGIAN AKTIVITI KITA

### “Hammash Assyabab”

6 Mei 2017, Cherating. Mukhayyam akhawat 0102 anjuran Unit Tarbiah Wanita IKRAM Daerah Kemaman telah berjaya di Riverside Beach Chalet, Cherating bertemakan Hammash Assyabab dengan 2 pengisian oleh Pn Sridayu Samsuri bertajuk Kepada Pemuda dan Tummuhat Tarbiyah oleh Pn Zuhailah Ibrahim.

Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan adalah qiamullail, kultum, bengkel, team building game, war game dan persembahan kumpulan. Perkhidmatan nurseri juga disediakan untuk memudahkan ibu-ibu yang membawa bayi dan anak kecil mengikuti aktiviti dengan tenang.

Seramai 80 orang peserta dan 17 orang AJK terlibat menjayakan mukhayam kali ini. Rata-rata peserta memberikan maklumbalas yang baik untuk mukhayam kali ini.

sumber : fb/IKRAMTerengganu



Sebahagian peserta di yang terlibat di dalam program.





# PEMUDA MENCORAK SIASAH NEGARA

Dr Harith Roslizar, IKRAM Australia

## DEMI POLITIK BARU

Menghadapi realiti bangsa sendiri yang berada di ambang *failed-state* dek kelemahan beragama, bobroknya penyelewengan ekonomi, kezaliman yang melata & hancurnya kerukunan sosial, Nabi Syuaib a.s membuat sebuah deklarasi yang menggambarkan tekad dan komitmen beliau untuk sebuah reformasi yang menyeluruh. "***In ureedu al-islah mastato'tu***" merupakan pernyataan jelas tentang tabiat reformasi yang diperjuangkannya, walau seorang diri - tulus, menyeluruh, sedaya mampu & pantang berundur - demi sebuah realiti baru warisan buat generasi mendatang.

Mendepani realiti yang serupa, kita sumpahkan sebuah perjuangan besar menjemput realiti sosio-politik baru buat Malaysia. Tekad kuat sebegini merupakan salah satu dari dua sisi yang diperlukan untuk melaksanakan reformasi mendekatkan Malaysia kepada **as-solaah** dan menjauhkannya dari **al-fasaad**. Reformasi dengan makna sebegini, adalah kefahaman benar yang terbit dari tujuan syariah itu sendiri yakni "***Jalbul Masalih wa Dar'ul Mafaasid***" - menghadirkan manfaat dan menjauhkan kerosakan. Rukun besar kepada reformasi ini, menurut Sh Muhammad Abu Zuhrah ada tiga ; *membina' rjal bertakwa, sentiasa berdiri di sisi yang dizalimi & berkerja mendatangkan maslahah yang banyak*. Kita yakin, inilah falsafah umum kepada sebuah proses reformasi yang akan menjemput sebuah Negara Rahmah.

Terlepas dari semua falsafah umum siasah syar'iyyah di atas, saya ingin menarik fokus kita semua kepada persoalan siasah di sisi **operasi**. Dalam konteks pemikiran politik Islam, pembahagian kepada As-Tsawabit dan Al-Mutaghayiraat adalah sesuatu yang maklum. As-Tsawabit bicaranya seputar idealisme tetap politik di sisi Islam seperti nilai *Al-'Adalah* (*keadilan*), *As-Syura* (*rundingan*) & *Al-Hurriyyah* (*kebebasan*) - berpegang dengannya adalah kunci kelestarian sesebuah amal politik. Adapun Al-Mutaghayiraat, ia jarang dibicarakan sedangkan ia adalah sisi operasi yang berdiri di atas nilai, antara lainnya, *Al-Ibdaa'* (*kreatif*), *Al-Hayawiyah* (*dinamik*) & *Al-Kafaah* (*kapasiti*). Keupayaan kita untuk memanfaatkan sisi al-mutaghayiraat inilah yang menjadi kunci kepada kerelevanannya sesebuah amal politik. Jika kita hanya mahu sekadar hidup, cukuplah berpegang dan berbicara tentang

Al-Tsawabit sahaja, seperti yang dilakukan banyak pihak hari ini. Namun jika kita mahu hidup dan memandu sebuah reformasi yang menyeluruh, mengerahkan fokus & tenaga pada Al-Mutaghayiraat adalah rahsianya!

## PEMUDA & 3 OPERASI POLITIK

Bagaikan tidak dapat dibendung, gelombang politik baru sudah menunjukkan tanda-tanda kehadirannya. *Conscience of the masses* atau denyut nadi rakyat sudah boleh dirasai, walau pun mungkin tidak begitu zahir dari mana datangnya. Adapun pemuda, sebagai sebuah aset besar di dalam horizon sosio-politik dan sosio-budaya Malaysia, adalah *the last nail in the coffin*. Di tangan mereka lah, politik baru Malaysia akan berdiri harum, sekaligus membuktikan kebenaran firasat kebanyakan reformis - bahawa pemuda adalah tiang seri kebangkitannya dan rahsia kekuatan kebangkitan itu sendiri.

Rahsia kekuatan kepada operasi politik yang berdiri di atas falsafah Al-Mutaghayiraat inilah fokus saya di dalam risalah ini dan saya bahagikan ia kepada 3, yang pertama adalah **operasi membaiki** & yang kedua dan ketiga adalah **operasi membina**.

## MENGECILKAN SKOP POLITIK IDENTITI & MENGANGKAT POLITIK IDEA

Apabila politik berbasis identiti\* (yang memperjuangkan hak-hak tertentu sesebuah kaum, kelompok atau "kelas ekonomi" ke atas hak-hak yang lain) berdepan tekanan dan krisis, ia melahirkan suasana politik yang dicemari sikap perkauman melampau, penolakan secara *en bloc* & konflik berpanjangan. Politik sebegini lahir dari rahim masyarakat yang lemah apresiasi pada *ma'rifatul insaan* & tiada kemampuan mengurus kepelbagaian (*managing diversity*). Jelas, pemuda dan sebahagian besar segmen masyarakat sudah muak dengan politik sebegini, maka kita harus mengusulkan jalan keluar.

Pertamanya, keimbangan bahawa identiti seseorang akan dikompromikan apabila berurusan dengan seseorang yang punya identiti berbeza adalah tanda wujudnya krisis keyakinan diri dan ini harus segera dirawat! Rawatannya mengambil jalan panjang *tarbiah jamai'yyah* dan *tarbiah ja-*

*mahiriyyah* (pendidikan masyarakat) yang meletak-dudukkan persoalan *karamatul insan* \* sebagai sesuatu yang sentral, kemudiannya pembudayaan prinsip *li taarafu rentas kaum & kumpulan* di semua medan masyarakat - di masjid, seputar kejiran, pada institusi pendidikan dan juga tempat berkerja.

Keduanya, hasil dari keyakinan diri yang mantap (*thiqah*



*bin nafs*) adalah wujudnya ketenangan di dalam berinteraksi dengan orang lain (*thiqah bin naas*). Suasana saling percaya ni membolehkan fokus dipindahkan dari persoalan identiti seseorang kepada produk-produk idenya. Masyarakat yang membudayakan saling percaya dan pertukaran idea secara terbuka adalah masyarakat yang menepati *tsawabit al-hurriyyah* dan ini memudahkan usaha mencari titik-titik persamaan bagi membina kerjasama dalam ruang *al-mutaghayiraat* samada di peringkat *sya'bi* maupun *siyasi*. Saya yakin, kekurangan *historical baggage* pada golongan pemuda dikuatkan dengan asas kejiwaan yang masih bersih akan memudahkan keberhasilan!

Dalam suasana baru ini, golongan pemuda akan memposisikan diri sebagai **match-makers**. Mereka menjayakan operasi menemukan & menggabung-jalin ide-ide kreatif (*al-ibdaa'*) yang berlegar di segenap sudut masyarakat melalui inisiatif :

- 1) bernuansa pendidikan seperti wacana-wacana perkongsian pemikiran & kebudayaan
- 2) bernuansa penyatuan seperti mengembalikan budaya tradisional gotong-royong dan ziarah terbuka.

Inilah budaya asas yang diperlukan dalam politik baru yang akan membawa kepada penghasilan polisi sosial yang matang dan merakyat.

## KEMBANGKAN DENGAN PANTAS BUDAYA NETWORKING

Sebagaimana falsafah jihad di dalam Islam adalah sebuah proses bertahan dahulu kemudian baru menyerang, begitu juga operasi politik baru ini. Kita bina kembali ketahanan asas melalui operasi rawatan mengecilkan politik identiti & mengangkat politik idea, seterusnya kita gerakkan 2 operasi membina **dengan pantas**. Kerana politik dalam kerangka negara moden, bergerak di atas kefahaman *tarjih*

*masolihih*, maka usaha mengkedepankan maslahah yang paling aula menjadi relevan. Selari dengan tsawabit Islam di dalam politik, *as-syura (rundingan)* adalah kaedah terbaik untuk bersetuju dengan pihak lain dalam mencari maslahah yang paling aula.

Dengan kejelasan terhadap kerangka as-syura demi *tarjihul masolihih* ini, pemuda bebas **bergerak pantas & berkarya** di dalam ruang *al-mutaghayiraat* bagi menjemput sebuah suasana yang subur untuk perubahan. Berasaskan budaya asas sebagai *match-maker*, usaha membina **strategic networks** (*siyasah at-tawafuq*) menjadi *second-nature*, tinggal lagi ruang bagi pemuda *memimpin* pemuda harus dilebarkan bagi menjamin kejayaan operasi ini. Sisi ini amat penting untuk disedari, kerana karakter generasi pemuda kini tidak sama dengan pemuda 10 tahun apatah pula 20 tahun yang lalu. *Loose-networks, decentralized decision-making authority & flexible working culture* berpandukan nilai-nilai besar adalah *the name of the game* untuk generasi ini. Saya utarakan konsep *waqaf ikrami* sebagai budaya baru yang mengikat pemuda IKRAM kepada jamaah & *nilai khidmah* sebagai cara-pandang & bekal kejiwaan dalam mengusahakan kesepakatan dengan pihak lain.

*Strategic networks* yang difokuskan pada nilai-nilai besar ini bukanlah sesuatu yang harus sentiasa menempah nama di dada media massa atau media sosial. Kecenderungan ini



harus sentiasa kita jinakkan, kerana ia sebenarnya merosakkan amal setelah ia merosakkan keikhlasan. Memilih medan *networking*, memelihara hubungan dengan rakan *networks* dan memberikan fokus yang tinggi kepada medan sasaran sehingga masalah benar-benar selesai adalah ruh di sebalik kerja ini. Ini pun pesanan Al-Banna di dalam menggambarkan tabiat amal ikhwan agar sentiasa menjauhi propaganda murahan.

Di sebalik penyuburan budaya *networking* yang mampu mendatangkan impak dengan pantas ini, adalah lahirnya sebuah kondisi umum dalam masyarakat yang saling mempercayai satu sama lain & ini membolehkan setiap individu memainkan peranan sebagai agen moral tanpa ada unsur



## TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH PUSAT  
-PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA-

### Penaung

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria

### Ketua Editor

- Azamuddin Mohd Maarof

### Penulis

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
- Ustaz Abd Muhammin Moham-mad Shahar
- Mohammad Aatdiff binAhmat
- Datin Paduka Che Asmah
- Dr Harith Roslizar

### Semakan Artikel


- Mohd Syariffuddin bin Abu Kassim

### Pengurus/Susunatur/Grafik

- Hanafi bin Sudi@Yusoff

### Diterbitkan oleh :

Jawatankuasa Tarbiah Pusat,  
Pertubuhan IKRAM Malaysia  
(IKRAM),  
Tel + 603 - 8945 6999,  
+ 603 - 8945 3666  
Fax +603 - 8945 1772  
tarbiatuna.ikram@gmail.com



Mashi Publication Sdn Bhd  
Tel: 03-9076 6311  
Fax: 03-9075 4311  
mashipublication@yahoo.com



pemakaian dalam membawa risalah Islam. Ini sekaligus menyudutkan sesetengah pemain di arena politik yang gemar membawa Islam dengan wajah yang tegang dan cenderung memaksa.

## MEMBANGUN BUDAYA THEMATIC IMPACTS DALAM KERANGKA AN-NAHL 90

Untuk membina sebuah reformasi yang memenuhi semangat kehadiran syariah **"Jalbul Masolih wa dar'ul Mafaasid"** maka sebuah *framework* penyelesaian masalah ummah yang bersifat *thematic* & *impactful* hendaklah dibangunkan. Menurut Ibn Ashur di dalam tafsirnya *Tahriri Tanwiri*, Allah Azza wa Jalla di dalam Surah An-Nahl 90 memerintahkan kita untuk menjadi pelopor kepada 6 tema yang tiga-nya merupakan ibu kepada Al-Masolih dan tiga lagi adalah ibu kepada Al-Mafasid.

Penegakan tema-tema yang menjadi ibu kepada lahirnya Al-Masolih

1. **Al-'Adalah** (memulangkan hak kepada yang berhak),
2. **Al-Ihsaan** (mencapai kesempurnaan dalam semua perkara)
3. **Itaaizil Qurba** (toleransi, memaafkan & muraqabah dengan keluarga & orang sekeliling)


Menghalang tema-tema yang merupakan ibu kepada lahirnya Al-Mafasid

1. **Al-Fahsy'a'** (semua perkara yang menjadi punca fasad peribadi)
2. **Al-Mungkar** (semua perkara yang mendatangkan fasad sosial)
3. **Al-Baghy** (pelanggaran hak pihak lain)

Setelah framework yang *thematic* ini dibangunkan, yang tinggal hanyalah keperluan untuk membina operasi *problem-solving* yang benar-benar *impactful*. Kita harus berubah dari tradisi lama "*IKRAM di mana-mana*", "*asal terlibat*" atau "*demi visibility*" yang mengakibatkan penggunaan sumber daya IKRAM yang kurang berhemah & penyelesaian yang bersifat nipis kepada operasi *problem-solving* yang berdiri di atas falsafah *impak-centrik*. Penyelesaian kita haruslah bersifat *thematic*

dan terpilih (reformist wins-rakyat wins), dipandu sebuah teori pengurusan impak, membawa perubahan yang sistemik & menatihahkan pertumbuhan yang ada nilai-tambah bagi semua pihak yang terlibat di dalam rantaian masalah tertentu.

Di era *digital-age* dan *big-data*, sebuah kaedah pengurusan portfolio bertema yang



Utilizing big data and analytics can result in new insights to drive smarter decision making. But the true value in those insights depends on the quality of the data supporting them. Increasing data volume, variety, and velocity makes it harder to establish veracity. Are you confident that your decisions are being made on trusted results?

seragam hendaklah dibangunkan sambil memanfaatkan hubungan para pemuda dengan realiti sebenar rakyat terbahar melalui usaha *data collection & management & analysis* yang akhirnya membawa amal politik yang benar-benar memberi impak menyeluruh kepada sasaran yang terpilih dan *thematic*. Untuk ini, amat penting pengalihan sumber kepakaran, kewangan & tenaga kerja pemuda yang besar harus dibuat, bagi membolehkan budaya *thematic impacts* ini dilebarkan secara cepat & meluas oleh pemuda.

## PENUTUP

Di dalam risalah ini, saya menyeru kepada sebuah reformasi yang benar-benar memenuhi spirit Nabi Syuaib a.s, yang amanah kepada at-tsawabit tetapi berdaya kreatif di dalam al-mutgahyyiraat. Saya meletakkan harapan besar buat pemuda IKRAM dan pemuda reformis yang lain, untuk menggerakkan 3 operasi besar di dalam politik. **Pertamanya**, operasi membaiki politik dari politik identiti kepada politik idea. **Keduanya**, menggerakkan operasi membina politik baru melalui budaya *strategic networking*. **Ketiganya**, menawarkan pendekatan problem-solving yang berasaskan *thematic impacts* dilengkapi kaedah pengurusan yang sesuai dengan tuntutan era digital yang serba kompleks ini. Setelah itu yang tinggal hanyalah sisi kedua dari deklarasi Nabi Syuaib a.s, yakni menyerahkan segala urusan kepada Allah, **wa ma taufiqi illa billah**, sebuah pengakuan bahawa hasil akhir reformasi ini bukan di tangan mana-mana manusia *Hayya ilal 'amal!*